

**FPV UPM beri pemeriksaan percuma haiwan kesayangan**

Berita Utama - 2



**WAZAN UPM beri RM 2.97 juta kepada pelajar pada Tahun 2023**

Fokus - 3



**Cartels Disrupt a Country's food security**

Experts' Point of View - 6



## Chancellor of UPM Presents Aidilfitri Donations to Students

By: Noor Eszereen Juferi  
Photo By: Mohammad Izrul Abdul Jabar

SERDANG, March 15 - His Royal Highness, the Chancellor of Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah, presented Aidilfitri donations to orphans, converts (muallaf), Persons with Disabilities (PWD), and asnaf (the underprivileged), encompassing 30 UPM students.

His Royal Highness graciously presented the donations during an Iftar and Tarawih Prayers gathering attended by approximately 1,000 UPM staff, students, and members of the surrounding community at the UPM Mosque.

Furthermore, His Royal Highness received

contributions for the Wakaf Ilmu UPM, totaling RM 1,979,972.82, sourced from individuals, corporate partners of UPM, as well as university staff and students. Established in 2012, the Wakaf Ilmu UPM aims to fulfill the needs of the UPM community and fund various academic, financial assistance, research, and facility development endeavors.

In a ceremony marked by benevolence, Sultan Sharafuddin accepted the Zakat Fund amounting to RM8,169,673.67 from UPM Vice Chancellor, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, and RM1,250,000.00 from the

UPM's Wakaf Ilmu Project, presented by the Registrar, Muhazam Mansor.

Additionally, His Royal Highness received business Zakat contributions totaling RM158,177.00 from UPM Holdings Sdn. Bhd. (RM100,000.00), Koperasi UPM Berhad (RM28,177.00), and TMJ Mesra Travel & Tours Sdn. Bhd. (RM30,000.00).

In solidarity, Tabung Haji contributed RM400,000.00 to the Wakaf Ambulance Fund for the Sultan Abdul Aziz Shah Hospital (HSAAS), UPM, while Pharmaniaga Berhad extended a corporate contribution amounting to RM35,000.00.



## UPM Pioneers Four Strategic Frameworks Centered on Agriculture and Food Security

By: Nur Syamila Kamarul Arefin  
Photo By: Mohammad Izrul Abdul Jabar



SERDANG, Jan 24 - Universiti Putra Malaysia (UPM) unveils its focus on four strategic direction frameworks honing in on agriculture and food security at the The 100-Day Message and Mandate 2024 of the Vice Chancellor.

Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, the Vice Chancellor of UPM, underscored the pivotal role of these frameworks in depicting the institution's main functions, with agriculture and food security at the forefront. These frameworks are in alignment with the Higher Education Goals and Aspirations of the Ministry of Higher Education (MoHE), Malaysia

Madani National Goals, and Sustainable Development Goals (SDGs).

"The primary framework emphasizes agriculture as the foundation, ensuring the nation's food security in the long term. Strengthening the country's food system is imperative to mitigate the looming global food crisis," explained Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan.

He elaborated on the four strategic directions, commencing with the imperative to bolster the agricultural sector encompassing farming, animal husbandry, and fishing to

ensure a robust food supply for the nation.

"Secondly, aligning with the Higher Education Goals and Aspirations of MOHE, with a focus on the Five (5) main thrusts outlined by the Minister of Higher Education, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, shaping the planning and strategy for 2024," he articulated.

Furthermore, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan emphasized the dissemination of the Madani concept as a national value, emphasizing six pillars: sustainability, care and compassion, respect, innovation, prosperity, and trust. Lastly, he emphasized the institution's commitment to the SDGs, urging all UPM citizens to transcend their comfort zones in anticipation of future uncertainties.

"The pursuit of UPM's future excellence necessitates collective efforts strategically orchestrated by a cohesive team," concluded Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan.

## Jom Balik Raya 2024 @ WAZAN 2.0: UPM Initiative Facilitates Aidilfitri Homecoming for 482 Asnaf and B40 Students

By: Noor Eszereen Juferi



SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) spearheaded the Jom Balik Raya 2024 @ WAZAN 2.0 initiative, aimed at assisting 482 asnaf (the underprivileged) and B40 UPM students in returning to their hometowns for Aidilfitri.

Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, the Vice Chancellor of UPM, underscored the significance of this program as a direct alleviation of the financial strains faced by students' families.

"This initiative serves as a conduit for the university to foster closer ties among students and to illuminate the functions of WAZAN UPM, particularly the zakat fund distribution program," remarked Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan.

He emphasized that the program is in harmony with "TRUE NORTH," UPM's strategic direction geared towards fortifying the campus community, with students at its core.

"I am confident that this program will enrich the learning journey and life experiences of UPM students throughout their tenure at our campus," he affirmed.

This commendable endeavor is made feasible through the benevolent contributions of the public and corporate entities in the form of zakat, waqf, and donations to UPM via WAZAN. Notable contributors include PLUS Expressways Berhad (PLUS) and Tabung Haji (TH) through the UPM Zakat Trust Fund - Corporate Contribution.



# Nota Ketua Editor

In this edition, we delved into initiatives embodying compassion and foresight, showcasing the values that drive progress. From extending Aidilfitri homecoming support to underprivileged students to pioneering strategic frameworks for agricultural sustainability, these endeavors epitomize UPM's commitment to holistic welfare and future-oriented planning.

Our journey underscores the importance of empathy and proactive leadership in addressing societal needs and global challenges. As we move forward, let us draw inspiration from these stories, fostering a culture of compassion, innovation, and

collective action.

Let us remain steadfast in our dedication to UPM's True North—a spectrum encompassing fields that directly or indirectly contributes to the development of agriculture and food security. This interdisciplinary approach not only empowers our university but also uplifts our community, society, and nation as a whole.

We extend a warm invitation to our readers to remain engaged and share their stories with us. Your valuable contributions will enhance *Tribun Putra*, fostering an inclusive platform that encapsulates the diverse experiences and aspirations of our university community.



## FPV UPM beri pemeriksaan percuma haiwan kesayangan

Oleh: Noor Eszereen Juferi



**SUBANG JAYA, 7 Mac** – Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memberikan pemeriksaan percuma buat haiwan kesayangan pada program Potong Royong peringkat Subang Jaya di Dewan Serbaguna MBSJ SS15 di sini, semalam.

Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin, telah berkenan merasmikan program ini yang

diadakan selama 6 hari bermula semalam sehingga 10 Mac ini dari 10 pagi hingga 3 petang.

Pemeriksaan percuma ini diadakan diruai UPM disamping menyampaikan info kesedaran tanggungjawab pemilikan haiwan serta pemandulan kucing dan anjing untuk kesejahteraan haiwan kesayangan.

## UPM, KBSFP jalin kerjasama penyelidikan dan pembangunan perladangan hutan

Oleh: Noor Eszereen Juferi



**SERDANG, 24 Feb** –Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FHAS) semalam menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan KBS Forest Plantation Sdn. Bhd. (KBSFP) bagi menjalinkan kerjasama dalam inovasi penyelidikan dan pembangunan perladangan hutan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM, Prof. Dr. Zamberi Sekawi berkata

kerjasama ini adalah sejajar dengan Pelan Strategik UPM 2021–2025 Matlamat 2 Mewujudkan Hab Penyelidikan Dan Inovasi Yang Menjanakan Nilai Berteraskan Ekosistem Lestari.

“Ini akan menjadikan penyelidik di UPM sebagai pakar rujuk serta meningkatkan keterlihatan universiti di peringkat industri yang boleh dimanfaatkan serta memperkukuhkan jaringan industri universiti dan agensi

tempatan dalam mengembangkan usaha inovasi dalam bidang ladang hutan,” katanya.

Dekan FHAS, UPM, Prof. Dr. Azlizam Aziz berkata kerjasama ini memberi peluang kepada pakar UPM membantu pihak KBSFP dalam penyelidikan dan pembangunan perladangan hutan bagi meningkatkan produktiviti spesies hutan Eucalyptus.

“Sebagai pusat kecemerlangan yang unggul dalam pendidikan dan penyelidikan perhutanan tropika serta alam sekitar ini adalah sejajar dengan hasrat fakulti dalam memperkukuhkan keupayaan pengajaran dan penyelidikan bagi memenuhi keperluan negara,” katanya.

Majlis pertukaran MoU itu turut dihadiri oleh Pengarah KBS Forest Plantation Sdn. Bhd., Omar Emad Mohamed Nafie Abdelwahab dan Ketua Projek, Prof. Dr. Hazandy Abdul Hamid.

## UPM laksana projek kebun bandar pertama tanam ubi konjak

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari



**SEPANG, 9 Mac** – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melaksanakan kursus penanaman ubi konjak bersama 11 kumpulan komuniti kebun bandar bagi memperkasakan kebun komuniti di Dewan Orang Ramai Putra Perdana, di sini, hari ini.

Menurut Ketua Program, Dr. Juju Nakasha Jaafar dari Fakulti Pertanian, UPM berkata kursus ini menjadi titik permulaan untuk mendedahkan komuniti setempat terhadap ubi konjak selain sebagai satu langkah bagi membantu negara dalam menangani isu keterjaminan makanan.

“Ini adalah kumpulan komuniti kebun bandar pertama di Malaysia yang bakal menanam ubi konjak sebagai langkah memperhebat dan pemerksaan komuniti.

“Oleh itu, kursus kali ini kita turut melibatkan industri iaitu Ladang Konjak Sdn. Bhd. di mana pihak syarikat membuka peluang kepada komuniti untuk menanam ubi konjak di kawasan mereka dan juga membuat pertanian kontrak bersama komuniti.

“Pihak syarikat akan membeli ubi-ubian tersebut untuk diproses menjadi nasi dan mihun. Kerjasama di antara agensi, universiti, komuniti dan industri ini secara keseluruhannya menampakkan bagaimana model ini bakal membantu negara di dalam isu jaminan makanan kelak,” katanya.

Beliau berkata para peserta didedahkan dengan kegunaan tanaman konjak, teknik penanaman

dan penjagaannya yang telah disampaikan oleh pakar konjak dari UPM iaitu Dr. Martini Mohammad Yusoff dan Azura Aziz dari Ladang Konjak Sdn. Bhd.

“Kitaran hidup ubi konjak pendek iaitu selama tujuh bulan sahaja manakala penjagaannya juga mudah dan kurang serangan perosak menjadikan tanaman ini sesuai untuk ditanam di masyarakat bandar, terutamanya di kebun-kebun komuniti.

“Di akhir kursus, pihak syarikat telah menghadiahkan sebanyak 1000 bahan tanaman kepada penerima komuniti pertama iaitu Lake Residence untuk komuniti menanam di kebun bandar mereka,” katanya.

Tambahnya, kursus yang dianjurkan ini mendapat geran Menteri Besar Selangor Incorporated dengan kerjasama bersama Majlis Perbandaran Sepang.

“Ini adalah kumpulan komuniti kebun bandar pertama di Malaysia yang bakal menanam ubi konjak sebagai langkah memperhebat dan pemerksaan komuniti.”



## UPM anjur VF24, dukung usaha pelestarian flora dan fauna

Oleh: Sharifah Hannah Adibah Wan Serail  
Jurufoto: Muhammad Luqman Ibrahim

SERDANG, 15 Jan – Kumpulan pelajar Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP), UPM dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), UPM telah menganjurkan Vivarium Festival 2024 (VF24) dengan tema "Reignite Your Natural Wonderland", mendukung usaha pelestarian flora dan fauna.

Melalui VF24, 160 pelajar telah menghasilkan produk vivarium dengan mencipta taman mini di dalam akuarium dan bekas kaca secara kreatif dan inovatif menggunakan tanaman dan ikan hiasan.

Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Loh Teck Chwen berkata, penghasilan produk vivarium

mendedahkan pelajar tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar sebagai asas kepada pelestarian ekosistem dan biodiversiti.

"Selain menyemai citra pertanian dalam diri warga UPM, program ini memacu kreativiti dan inovasi pelajar melalui produk vivarium yang dihasilkan dan seterusnya membuka ruang kepada pelajar untuk menceburi bidang usahawan tani," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, UPM, Dr. Mohd Firdaus Ismail berkata, program ini merupakan alternatif untuk memperkenalkan bidang pertanian kreatif sebagai industri yang bernilai kepada masyarakat, khususnya

golongan belia.

"Pertanian lebih daripada sekadar menanam tumbuh-tumbuhan, malah suatu bentuk terapi untuk kesihatan mental.

"Kita bukan sahaja perlu menerajui bidang pertanian konvensional dan pertanian moden, tetapi perlu meneroka bidang pertanian kreatif yang bersifat santai, menarik dan boleh menjadi lubuk keuntungan," katanya.

Dalam pada itu, VF24 di PSAS, UPM masih dibuka kepada semua warga UPM sehingga 19 Januari ini untuk melihat dan membeli hasil produk kreativiti kumpulan pelajar kursus AGR3101-Botani Pertanian sebagai hiasan rumah yang menarik.



## 'PertaniUPM Connect' kembang ilmu patologi tumbuhan asas

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari

SERDANG, 15 Jan – Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Kelab Bachelors Sains Pengurusan Perladangan, (PLANTERS) telah menganjurkan program UKM-UPM Joint Seminar (PertaniUPM Connect) bagi mengembangkan ilmu dalam bidang Bioteknologi Tumbuhan dan Patologi Tumbuhan Asas di sini, baru-baru ini.

Pengarah program, Tamilarasan Nagarajan berkata program ini menggariskan isu-isu terkini dan kepentingan dalam pertanian dan perkongsian mendalam tentang

penambahbaikan tanaman serta keselamatan makanan di masa depan.

"Seramai 54 pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyertai seminar ini dan tanaman jagung menjadi tumpuan khusus ketika perkongsian ilmu dalam program ini.

"Para peserta juga berpeluang menuai hasil jagung sendiri sebagai pengalaman dan menarik minat peserta untuk melibatkan diri secara langsung dalam pengalaman pertanian yang unik selain

mempelajari langkah-langkah dan kepentingan pertanian dalam proses penuaian," katanya.

Katanya lagi, realiti dunia pertanian juga dapat dikongsi kepada pelajar universiti luar bagi mencapai matlamat 1 Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu melahirkan watak graduan berdaya tahan mendepani cabaran mendatang.

"Semoga program ini dapat mengukuhkan lagi kolaborasi dan pemindahan ilmu antara dua universiti bagi memperkasakan pertanian dan sekuriti makanan," katanya.



## WAZAN UPM beri RM 2.97 juta kepada pelajar pada Tahun 2023



SERDANG, 30 Jan – Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM) menghulurkan bantuan sebanyak RM2.97 juta sepanjang tahun 2023 kepada kumpulan pelajar B40 serta asnaf dalam pelbagai bentuk bantuan.

WAZAN UPM akan terus memberikan bantuan dengan memperkukuhkan pendanaan zakat, wakaf dan sumbangan serta mempergiat bentuk-bentuk agihan bantuan yang baharu dan menyeluruh.

Antara bentuk bantuan yang telah diberikan kepada pelajar sepanjang tahun lalu

seperti bantuan sara diri, latihan industri, yuran pengajian, perubatan, bencana, kecemasan, penerbitan dan sahsiah.

Selain itu, WAZAN UPM menyampaikan bantuan dalam program yang melibatkan pelajar seperti program dakwah, program keilmuan, program kesukarelawanan dan program kebajikan.

WAZAN UPM akan terus menjalankan tanggungjawab sebagai badan zakat, wakafserta mengagihkan sumbangan bagi tujuan membantu warga UPM yang memerlukan melalui dana

zakat, wakaf, sumbangan melalui Tabung UPM Prihatin dan Zakat Wakalah (zakat korporat).

Pelbagai program kebajikan diadakan bagi membantu pelajar UPM secara terus antaranya ialah program free meals seperti program Jangan Skip Sahur, program Singgah Sahur, program Breakfast Dulu b4 Exam program makan malam dan bantuan juadah berbuka puasa.

Program-program lain turut diadakan iaitu program Jom Balik Raya, program FreeFuel, program Jalinan Mahabbah dan Ziarah Mahabbah.

## FHAS UPM anjur seminar 'Wood Culture Heritage in Asia' sempena Hari Hutan Sedunia 2024

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin

SERDANG, 22 Mac – Bersempena Hari Kayu Sedunia 2024, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FHAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) memberi kesedaran kepada semua orang dengan menganjurkan seminar "Wood Culture Heritage in Asia" kelmarin.

Objektif utama bagi Seminar "Wood Culture Heritage in Asia" merupakan inisiatif utama UPM bagi melindungi kayu dan menjaga ekosistem melalui kepelbagaian biologi dan pemuliharaan hutan.

Dekan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, UPM, Prof. Dr. Azlizam Aziz berkata, peranan FHAS untuk melakukan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan dengan

mengetengah kepentingan kayu dalam kehidupan manusia.

"Seminar ini dianjurkan bagi memupuk sikap manusia untuk menghargai hutan dan kayu yang akan memberi impak kepada sosial, ekonomi dan ekologi kayu terhadap pokok dan juga hutan.

"Seminar ini memberi kesedaran dan menggalakkan amalan mampan yang memastikan penggunaan sumber kayu bertujuan untuk menyumbang kepada kesihatan dan kelestarian jangka panjang alam sekitar," katanya.

Turut hadir pada sambutan Hari Kayu Sedunia 2024, Ketua Pengarah Malaysia Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Ts. Dr. Mohd Zamri Mat Amin.





# IKP, UPM beri tumpuan bantu sektor perladangan di Malaysia

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin

Institusi Kajian Perladangan (IKP), Universiti Putra Malaysia (UPM), merupakan institut di mana penyelidik pelbagai kepakaran di UPM bekerjasama dan memberi tumpuan untuk membantu sektor perladangan di Malaysia. Sumbangan UPM melalui penyelidikan dan perkhidmatan profesional akan ditingkatkan disamping mengukuhkan kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta dalam sektor perladangan.

Ikuti wawancara bersama Pengarah IKP UPM, Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khairunniza Bejo berkenaan penyelidikan yang dijalankan oleh IKP bersama wartawan Tribun Putra Nur Syamila Kamarul Arefin.



Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khairunniza Bejo

## 1. Apakah fungsi utama IKP UPM kepada negara?

Pertanian merupakan pemacu sosio-ekonomi yang penting bagi Malaysia. Ia adalah sektor utama untuk keselamatan makanan, pekerjaan dan penjaan hasil bagi negara. Visi IKP ialah menjadi pusat rujukan bagi industri perladangan di peringkat antarabangsa. Tanaman perladangan ialah tanaman yang diusahakan secara meluas di kawasan berterusan yang besar (lebih daripada 40 hektar) secara komersial oleh individu atau mana-mana syarikat.

Tanaman perladangan mempunyai nilai komersial yang tinggi serta kepentingan ekonomi yang lebih besar. Tanaman perladangan yang diberi tumpuan oleh IKP termasuk tanaman komoditi iaitu kelapa sawit, getah, koko dan lada hitam serta tanaman strategik baharu seperti kelapa, nanas, nangka, pisang, durian dan teh.

IKP memberikan pendekatan yang holistik bagi memperkasa sektor perladangan dengan memberikan empat (4) fokus utama iaitu agronomi mampan dan perlindungan tanaman; mekanisasi, automasi dan pendigitalan; pemrosesan dan pembangunan produk; serta dasar perladangan dan komoditi.

Kesemua empat fokus ini dapat membantu menyelesaikan masalah dalam sektor perladangan terutamanya dengan meningkatkan kesihatan tanah dan teknik kawalan penyakit, mengatasi kekurangan tenaga buruh, menghasilkan produk bernilai tinggi, memelihara alam sekitar serta meningkatkan ekonomi, kualiti hidup, kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Oleh itu, IKP turut menyokong penuh dasar-dasar negara seperti Dasar Agrikomoditi Negara (2021-2030), Dasar Keterjaminan Makanan Negara (2021-2025), Dasar Agro-Makanan Negara (2021-2030), 10-10MySTIE framework serta Pelan Tindakan Biojisim Negara (2023-2030).

## 2. Bagaimana IKP UPM menyokong atau memberi sumbangan dalam keterjaminan makanan?

Isu keselamatan makanan melibatkan makanan ruji Malaysia seperti beras, buah-buahan dan sayur-sayuran. Ia berlaku apabila orang ramai kekurangan akses fizikal dan ekonomi kepada makanan yang selamat dan berkhasiat, di samping memenuhi keperluan diet untuk gaya hidup aktif dan sihat.

IKP UPM memberi sumbangan dalam keterjaminan makanan dengan menjalankan kajian bagi peningkatan pengeluaran tanaman, peningkatan mutu tanaman, peningkatan kualiti alam sekitar dan peningkatan kualiti kehidupan.

Inovasi berkaitan pengeluaran pertanian mampan termasuklah penggunaan kejuruteraan genetik bagi penghasilan anak benih rentan penyakit, teknologi mikrob untuk membaiki tanaman ladang serta penghasilan sistem mekanisasi yang kos efektif dan cekap untuk menggantikan tenaga buruh dalam melaksanakan operasi lapangan.

Selain itu, pendekatan pendigitalan turut diambil kira dalam pengurusan ladang menggunakan teknologi pertanian pintar melalui teknik pengimejan, penderiaan jauh, IoT, GIS dan kecerdasan buatan bagi memastikan peningkatan hasil disamping memelihara alam sekitar.

## 3. Apakah cabaran sebagai pengarah di IKP UPM untuk mencapai misi dan visi UPM?

Seperti yang dinyatakan dalam Perutusan 100 Hari Naib Canselor dan Amanat 2024, Dato Naib Canselor telah menggariskan usaha awalan True North UPM bagi Keterjaminan Makanan bermula Oktober 2023, manakala kekuatan pertanian dan perhutanan bermula 2024.

Kedua-dua agenda ini merupakan bidang utama IKP. IKP UPM mensasarkan untuk menjadi pusat kecemerlangan



pembangunan industri perladangan melalui penjaan ilmu, penemuan teknologi baharu dan pendidikan pelajar siswazah dalam bidang kajian perladangan.

Perancangan strategik telah dibuat bagi mencapai sasaran tersebut berlandaskan kepada True-North UPM dengan

meningkatkan jumlah pengambilan pelajar pasca siswazah, menghasilkan penyelidikan yang relevan dan berimpak tinggi, mengukuhkan kerjasama dengan industri dan komuniti, meningkatkan bilangan rakan kongsi strategik, kerjasama penyelidikan dan program mobiliti; dan meningkatkan sumbangan IKP UPM dalam memenuhi keperluan agenda industri perladangan dan komoditi negara.

IKP UPM akan terus menyumbang ke arah kemajuan, penemuan pengetahuan baharu, penciptaan kekayaan dan kesejahteraan masyarakat yang memberikan impak yang besar kepada tiga tonggak kemampanan iaitu manusia, planet dan ekonomi.

## 4. Apakah hala tuju IKP UPM?

IKP UPM bergerak secara aktif menjalankan kajian dan menghasilkan inovasi berkaitan pendekatan pertanian pintar di mana petani menggunakan jumlah tepat input yang diperlukan seperti air, baja dan racun perosak pada masa dan lokasi tertentu yang membolehkan ladang menjadi lebih menguntungkan, cekap, selamat dan mesra alam.

IKP UPM juga membangunkan inovasi yang membolehkan petani memantau keadaan ladang dan menjalankan operasi pertanian tanpa pergi ke ladang. Keputusan strategik juga dapat dilakukan untuk pengeluaran yang lebih baik. Ini disebabkan oleh penggunaan kemajuan dalam teknologi seperti teknologi penderiaan, teknologi kedudukan, mesin, robot, dron, sistem komunikasi dan perisian aplikasi.

Pertanian 4.0 memberikan banyak kelebihan kepada industri pertanian. Walau bagaimanapun, perubahan dalam persekitaran tenaga kerja akibat kemajuan teknologi moden telah mendorong keperluan untuk mendapatkan modal insan yang mempunyai kemahiran yang relevan dan mencukupi dalam rantai nilai

pertanian. Oleh itu, IKP turut berperanan menghasilkan jurutera pertanian profesional dan cendekiawan yang dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan melalui program siswazah di peringkat Master dan PhD.

Jelas di sini IKP UPM memainkan peranan yang besar bagi membantu masyarakat



“Pertanian 4.0 memberikan banyak kelebihan kepada industri pertanian. Walau bagaimanapun, perubahan dalam persekitaran tenaga kerja akibat kemajuan teknologi moden telah mendorong keperluan untuk mendapatkan modal insan yang mempunyai kemahiran yang relevan dan mencukupi dalam rantai nilai pertanian.”

dengan peralihan sektor pertanian menjadi lebih berdaya saing dengan menggunakan pelbagai pemacu Sains dan teknologi untuk mewujudkan inovasi teras yang dapat meningkatkan Pulangan Nilai (ROV).

Ia memberi impak yang sangat besar. Sebagai contoh, transformasi pendigitalan dalam industri kelapa sawit yang merupakan sektor penting dan salah satu tulang belakang ekonomi Malaysia berikutan sumbangan besarnya kepada pendapatan eksport negara amat signifikan. Lebih daripada 40 peratus tanaman sawit diusahakan oleh pekebun kecil. Nilai pulangan yang tinggi pada minyak sawit akan meningkatkan aktiviti ekonomi negara apabila penduduk termasuk pekebun kecil sawit mempunyai kuasa membeli.

## 5. Akhir sekali, apakah harapan Prof. kepada IKP UPM?

Saya berharap agar IKP UPM akan menjadi hub penyelidikan yang dapat memberikan penyelesaian masalah perladangan secara holistik iaitu bermula dengan amalan agronomi yang baik dan mengambilkira kebergantungan yang tinggi kepada sumber semula jadi menggunakan kaedah microbial, penggunaan teknologi pertanian pintar bagi pengurusan ladang, penggunaan konsep ekonomi pekeliling bagi memastikan keterjaminan kesihatan planet serta penghasilan inovasi sosial.

Akhir sekali, saya juga beriltizam untuk membantu UPM mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan demi melonjakkan pencapaian IKP UPM bagi menghasilkan impak yang sangat bermakna kepada negara dan seterusnya melonjakkan keterlihatan IKP UPM dipersada dunia sebaris dengan universiti terkemuka dunia.



# "Penyeragaman mengekang kerencaman universiti bina kekuatan dalam bidang pendidikan negara," - Naib Canselor UPM

Oleh: Sharifah Hannah Adibah Wan Serail  
Pelajar Bachelar Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) dengan Keupujian  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM



Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini telah merasmikan Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia (PWTC), Kuala Lumpur. YAB Perdana Menteri menyarankan agar institusi pendidikan tinggi (IPT) diberi ruang dan kelonggaran untuk mewujudkan idea-idea baharu dalam bidang pendidikan negara.

Mengulas kenyataan tersebut, Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah menyatakan bahawa IPT sebagai hub penyelidikan dan penerokaan ilmu sebenarnya secara hakiki telah menjalankan peranan dalam menjana idea-idea baharu dalam bidang pendidikan negara dari masa ke masa, ibarat air sungai yang mengalir dari gunung, tetap bertali arus tanpa henti.

Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa dalam usaha untuk menterjemahkan idea-idea baharu tersebut kepada sesuatu yang berimpak tinggi, IPT terhalang oleh beberapa rintangan daripada segenap aspek.

Dalam konteks ini, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata, keseragaman merupakan antara rintangan yang mengekang kerencaman IPT untuk membina kekuatan dalam bidang pendidikan negara.

Penyeragaman sering mengikat universiti melalui preskripsi yang perlu diikuti oleh semua, walhal setiap universiti memiliki matlamat dan budaya serta kaedah kerja yang berbeza.

Taasub kepada penyeragaman bukan sahaja mengekang kerencaman dan merencatkan kepelbagaian pemikiran, tetapi turut mengekang inovasi dan kreativiti dalam kalangan pelajar sebagai bakal golongan pemikir masa depan negara.

“Penelitian terhadap penyelidikan berimpak adalah penting agar kita tidak terus berada di takuk lama, dan hasilnya dapat membantu kita menjawab persoalan yang menjadi isu besar buat negara, khususnya dalam bidang pendidikan.”

Tanpa penyeragaman, sudah pasti sektor pendidikan negara akan berkembang apabila kepelbagaian pendekatan pembelajaran yang dinamik dan kreatif boleh diaplikasikan dengan tujuan untuk memperkaya pengalaman universiti dan menyumbang kepada pembangunan pelajar.

Apabila IPT diberikan kelonggaran untuk bergerak, IPT akan berpeluang mengenal pasti serta mentadbir urus kekuatan dan kelemahan masing-masing, dan melaluinya IPT akan mencapai tahap kompetitif yang pastinya bukan sahaja mampu menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan yang dikagumi di pentas dunia, malah melahirkan graduan yang mampu mengubah dunia.

Apabila penyeragaman yang dikenakan tidak sesuai dengan misi dan visi sesebuah universiti, keadaan ini tidak akan membenarkan IPT bergerak dengan pantas dalam mencorakkan pendidikan negara, sebaliknya akan menghambat keupayaan universiti untuk mencapai kemajuan.

Adalah penting memberi ruang kepada IPT dalam tadbir kendiri (self-governance) agar universiti dapat memperkukuh autonomi serta mengatur strategi pembelajaran dan inovasi mengikut perkembangan semasa tanpa perlu terikat kepada penyeragaman.

“Adalah penting memberi ruang kepada IPT dalam tadbir kendiri (self-governance) agar universiti dapat memperkukuh autonomi serta mengatur strategi pembelajaran dan inovasi mengikut perkembangan semasa tanpa perlu terikat kepada penyeragaman.”

Kebebasan ini dilihat membolehkan universiti responsif terhadap keperluan pelajar dan dinamika pendidikan. Namun begitu, kebebasan ini perlulah hadir seiring dengan akauntabiliti, iaitu kebertanggungjawaban yang tinggi dalam tatakelola.

Tambah beliau, dalam penggubalan dasar pendidikan negara, misalnya, jika dilihat secara keseluruhan masih relevan untuk diguna pakai sehingga kini kerana setiap dasar diwujudkan setelah dipertimbangkan secara mendalam demi kepentingan pendidikan tinggi negara.

Dalam hal ini, sesuatu dasar yang berjaya dirancang bukan diukur dari sudut kejayaan pelaksanaannya sahaja, tetapi perlu dilihat dari sudut kebolehpayaan diinterpretasi oleh bakat warga pendidikan tinggi untuk mencapai hasil yang diinginkan.

Sebenarnya, apabila bakat di sebalik tatakelola mempunyai atribut memudahkan cara dengan niat untuk membantu dan bukan mengekang, maka sesuatu idea baharu atau dasar baharu yang dijana pasti akan dapat dilaksanakan dengan lancar.

